

(LETTERHEAD)

Menghadap Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah DKP., DKM., DK., DMN, SSAP., SIMP., DK (Terengganu)., DK. (Johor)., SPMJ., DKMB. (Brunei)., DK (Kedah)., DK (Perlis)., DK (Perak)., DK (Selangor)., DK (Kelantan)., Order of The State of The Republic of Turkiye, Grand Cross of The Order of Saint-Charles (Monaco), yang bersemayam di Istana AbdulAziz, Kuantan, Pahang Darul Makmur dengan beberapa kemuliaan dan kesejahteraannya.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ampun Tuanku,

Adapun warkah al-ikhlas ini dipersembahkan dengan penuh hormat dan takzimnya serta iringan doa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj serta seluruh kerabat Kebawah Duli Tuanku berada dalam selamat dan sejahteranya.

Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku,

Adalah patik **(Nama)** dan pacal pondok patik **(Nama Isteri)** dengan segala hormat dan takzimnya ingin menyembah maklum bahawa patik akan mengadakan Majlis Resepsi pacal didik patik **(Nama Pengantin dan Pasangan)** yang akan diadakan pada **(Tarikh, Hari) ; (Masa)** dan **(Tempat)**.

Patik dengan rasa rendah diri ingin mempersilakan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang berangkat ke majlis yang tidak seperti ini. Semoga dengan keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Berdua, majlis tersebut akan lebih meriah lagi diberkati Allah Subhanahu Wata'ala.

Ampun Tuanku,

Demikianlah warkah yang tidak sepertinya ini yang teriring dengan maksud dan tujuannya serta iringan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Berdua, Putera-putera, Puteri-puteri dan seluruh Kerabat Diraja Pahang sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat-Nya dilanjutkan usia zaman dan sentiasa berada dalam sihat walafiat selama-lamanya.

Ampun Tuanku.

*Patik dengan segala hormat dan takzimnya.*

(            **NAMA**            )

Tarikh: ..... 2024M  
          ..... 1446H

**\*\*\* NOTA**

*Font*            : Tahoma (Saiz 14)

*Spacing*       : 1.15

\*\* Nyatakan dalam surat litup nombor telefon penganjur untuk dihubungi.

\*\* Lampirkan bersama cadangan atur acara program tersebut.

\*\* Persilaan perlu dihantar sekurang-kurangnya **2 bulan sebelum** majlis.

(LETTERHEAD)

Julai 2024M  
Muharam 1446H

**Encik Muhammad Iqbal bin Zahanuddin**

Setiausaha Sulit kepada  
Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang  
Pejabat KDPB Sultan Pahang  
26600 Pekan

**PAHANG DARUL MAKMUR**

*Yang Berusaha Tuan,*

**WARKAH PERSILAAAN MAJLIS PERKAHWINAN KEPADA KEBAWAH DULI  
PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Yang Berusaha Tuan, saya **(Nama)** dari **(Agensi/Jabatan/NGO)** ingin mempersilakan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah ke Walimatul Urus anakanda saya.

3. Bersama-sama ini disertakan warkah kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku yang jelas menerangkan maksud dan tujuan tersebut. Dalam hubungan ini jua, saya lampirkan cadangan atur cara program untuk perhatian pihak tuan.

4. Kerjasama Yang Berusaha Tuan menyembahkan perkara ini kesisi Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku saya dahului dengan ucapan terima kasih. Saya sedia dihubungi di talian **(Nombor telefon bimbit)** sekiranya terdapat sebarang maklum balas dan pertanyaan lanjut berkenaan majlis tersebut.

Sekian, salam hormat.

( **NAMA** )  
JAWATAN